


TARIKH	2 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Setempat

‘Berserah pada Ilahi’

Pasangan OKU berdoa urusan ibadah dipermudah

FOTO | Saifulizan Tamadi



Lambaian Kaabah


>>Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

KELANA JAYA: Pasangan orang kelainan upaya (OKU) dari Kota Bharu, Kelantan tidak menjadikan kekurangan diri sebagai penghalang ketika menunaikan ibadah haji.

Bakal jemaah haji, Rohadi Yusuf, 44, yang diiringi isteri, Zalina Yah, 41, berkata, mereka tawakal dengan apa yang terjadi di Tanah Suci nanti kerana berdepan dengan ramai jemaah dari pelbagai negara.

Rohadi berharap, keistimewaan yang dimiliki menjadikan mereka antara tetamu Allah yang istimewa dengan memudahkan perjalanan serta dapat menunaikan semua ibadah dengan sempurna sama seperti mereka yang normal.

“Kami berusaha melakukan sendiri ibadah haji dan berharap diberi kesihatan yang baik apabila berada di sana,” katanya ketika ditemui di Tabung Haji, di sini.



TERAKHIR...Rohadi (kanan) bersama isteri mengemas pakaian sebelum bertolak ke Tanah Suci.

Rohadi cacat di tangan dan kaki manakala isterinya di bahagian kaki kiri.

Sementara itu, Zalina berkata, dia tidak menyangka dapat menunaikan haji sebelum usia emas serta dapat menemani suaminya yang sememangnya memerlukan pemantauan daripadanya.

“Walaupun di sana kami tinggal berasingan, namun saya masih lagi mengetahui

keadaannya dan ini tidak merisaukan saya,” katanya.

Katanya, mereka bersiap sejak dari awal tahun selepas nama mereka terpilih dan mengikuti kursus haji. Mereka ertambah semangat apabila mengetahui tarikh penerbangan.

Selain itu, pemergian mereka ke Tanah Suci ditemani dua iparnya serta jiran se-kampung.